



## SIARAN MEDIA

### JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

13 FEBRUARI 2024

#### CUACA PANAS PADA PENGHJUNG MONSUN TIMUR LAUT

Negara kini berada pada fasa akhir Monsun Timur Laut yang dijangka berterusan sehingga penghujung Mac 2024. Dalam tempoh ini, litupan awan dan taburan hujan kelazimannya adalah kurang di kebanyakan tempat, terutamanya di kawasan utara Semenanjung termasuk Perak, Pahang dan Kelantan. Ketiadaan hujan dalam tempoh yang lama boleh menyebabkan cuaca lebih panas dan kering berbanding kebiasaan.

Cuaca panas yang dialami pada ketika ini adalah satu fenomena berulang yang berlaku saban tahun pada setiap Februari hingga Mei. Dalam tempoh ini, suhu maksimum harian boleh melebihi  $35^{\circ}\text{C}$  pada awal petang. Setakat ini, suhu tertinggi yang dicatatkan oleh stesen meteorologi utama MET Malaysia adalah  $36.9^{\circ}\text{C}$ , iaitu di Chuping, Perlis pada 8 Februari lalu. Berikutan fenomena El Nino kuat yang sedang melanda dunia pada ketika ini, dijangkakan suhu maksimum harian di negara kita boleh menjadi lebih tinggi dikebanyakan tempat.

Dalam keadaan cuaca panas, semua pihak dinasihatkan supaya mengambil langkah penjimatan dalam penggunaan air. Orang ramai juga dinasihatkan untuk hadkan tempoh berada di luar bangunan bagi mengelakkan pendedahan kepada cuaca panas. Ikuti saranan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mengekalkan keadaan sihat semasa cuaca panas.

MET Malaysia sentiasa memantau keadaan cuaca di seluruh negara. Orang ramai disarankan supaya sentiasa peka dengan perubahan cuaca serta mendapatkan maklumat dan amaran cuaca terkini melalui laman web rasmi, aplikasi myCuaca dan media sosial MET Malaysia.

**Sumber:**

**Ketua Pengarah**

**Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)**

**Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam**

**13 Februari 2024**